



Headline: Pengurus akaun rugi RM67,700 'Macau Scam' Language: Malay
menyamar polis

Publication/Portal: Berita Harian

Date: 7 June 2020

Section: Nasional

Page: 17

Pengurus akaun rugi RM67,700 'Macau Scam' menyamar polis

Labuan: Seorang wanita yang juga pengurus akaun kerugian sebanyak RM67,700 selepas terpedaya dengan sindiket diperca-yai 'Macau Scam' yang menya-mar sebagai pegawai bank dan polis.

Mangsa berusia 40 tahun itu mendakwa menerima panggilan telefon dari tiga lelaki yang tidak dikenalinya pada jam 12.30 te-nghar hari, Rabu lalu.

'Pegawai bank' terbabit mendakwa ada individu lain meng-gunakan identiti mangsa untuk memohon kad kredit di sebuah bank.

Selain itu, sindiket berkenaan turut mendakwa hasil semakan mendapati penggunaan kad kre-dit yang menggunakan nama mangsa sudah melebihi had yang ditetapkan.

Ketua Polis Daerah Labuan, Superintendant Muhamad Farid Ahmad, berkata bagi mengemas kini akaun, mangsa diminta mendedahkan butiran diri, nom-bor akaun dan kata laluan ko-nonnya bagi tujuan siasatan.

Bagaimanapun katanya, sele-pas maklumat akaun diberi-kan, mangsa kemudiannya mendapati sejumlah wang dari akaun miliknya sudah dipin-dahkan ke akaun lain yang ti-dak dikenali.

"Mangsa kemudiannya menye-dari ditipu dan terus tampil ke balai polis bagi membuat laporan. Siasatan lanjut masih dia-laangkan dan kes disiasat meng-kut Seksyen 420 Kanun Kesek-saan," katanya dalam kenyataan semalam.

Muhamad Farid berkata, jika sabit kesalahan, pesalah boleh di-jatuhi hukuman penjara maksim-um 10 tahun, sebat dan denda.